

## Analisa Laporan Pemantauan Laman Web PTJ UiTM (Januari 2017)

Bahagian Laman Web di Jabatan Web Media, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) Universiti Teknologi MARA telah menjalankan satu sesi pemantauan ke atas **87 buah laman web** pusat tanggungjawab (PTJ) utama, UiTM pada Januari 2017. Tujuan utama pemantauan ini adalah untuk memastikan laman-laman web PTJ UiTM mematuhi dasar pengurusan laman web dan garis panduan laman web UiTM.

Pemantauan ini merupakan satu daripada tiga pemantauan yang dirancang oleh pihak kami untuk dilaksanakan dalam setahun iaitu pada bulan Januari, Mei dan September.

Kaedah yang digunapakai dalam melaksana sesi pemantauan ini ialah secara manual iaitu pihak kami akan melawati/mencapai setiap laman web dan memeriksa kriteria-kriteria yang telah kami tetapkan.

Terdapat sebanyak **14 kriteria** yang telah dipilih mengikut kriteria-kriteria di **ProBE** (ProviderBased Evaluation). Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut:

1. Template	8. Pautan ke Laman Web UiTM
2. Nama PTJ	9. Pengumuman/Berita/Acara
3. Logo UiTM	10. Polisi/Piagam Pelanggan
4. Maklumat Perkhidmatan	11. Mengenai Kami
5. Hubungi PTJ	12. Mobile Web
6. Direktori Staf	13. Arkib
7. Kemudahan Muat Turun	14. Kemudahan Carian

87 buah laman web ini telah dikategorikan mengikut kumpulan masing-masing seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah:

Kategori	Bilangan Laman Web
Pejabat Pendaftar	
Bendahari	11
Bahagian Hal Ehwal Akademik	1
Bahagian Hal Ehwal Pelajar	31
Perpustakaan Tun Abdul Razak	1228
Kampus Cawangan	5
Fakulti	8
Pusat Akademik	18
Pusat/Institut	9
Bahagian/Jabatan/Unit	
HiCoE/CoE	
<b>Jumlah</b>	<b>87</b>

Perbincangan analisa yang diperolehi daripada hasil pemantauan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu peratus laman web terhadap setiap jenis kriteria dan peratus laman web terhadap semua kriteria.

## 1. Peratus laman web terhadap setiap jenis kriteria

MANDATORI								KANDUNGAN					
Template	Nama PTJ	Logo UiTM	Maklumat Perkhidmatan	Hubungi PTJ	Direktori Staf	Kemudahan Muat Turun	Pautan ke Laman Web UiTM	Pengumuman/Berita/Acara	Polisi/Piagam Pelanggan	Mengenai kami	Mobile Web	Arkib	Kemudahan Carian
50.57%	79.31%	98.85%	93.10%	91.95%	87.36%	64.37%	34.48%	97.70%	2.30%	93.10%	58.62%	27.59%	54.02%

Peratus laman web terhadap setiap jenis kriteria

Merujuk kepada jadual di atas, didapati kriteria-kriteria “Nama PTJ”, “Logo UiTM”, “Maklumat Perkhidmatan”, “Hubungi PTJ”, “Direktori Staf”, “Kemudahan Muat Turun”, “Pengumuman/Berita/Acara” dan “Mengenai Kami” mempunyai peratus yang tinggi iaitu di antara 64.37% sehingga 98.85% manakala kriteria-kriteria “Template”, “Mobile Web” dan “Kemudahan Carian” mempunyai peratus yang sederhana iaitu di antara 50.57% sehingga 58.62%. Kriteria-kriteria “Pautan ke Laman Web UiTM”, “Polisi/Piagam/Pelanggan” dan “Arkib” pula mempunyai peratus yang amat rendah iaitu di antara 2.3% sehingga 27.59%.

Daripada keputusan analisa yang dibuat boleh dikatakan masih terdapat PTJ yang mempunyai peratus yang amat rendah terhadap kriteria seperti “Arkib” dan “Pautan ke Laman Web UiTM”. Kebanyakan PTJ tidak menyediakan “Polisi/Piagam/Pelanggan” di laman web mereka. Ini menyumbang peratus yang terendah iaitu sebanyak 2.3%.

## 2. Peratus laman web terhadap semua kriteria

Peratus Terhadap Semua Kriteria	Bil. Laman Web
1% hingga 50%	3
50% hingga 100%	84
<b>Jumlah</b>	<b>87</b>

Peratus laman web terhadap semua kriteria

Merujuk kepada jadual di atas boleh disimpulkan bahawa hanya 3 buah laman web sahaja mempunyai peratus di bawah 50%. Laman-laman web tersebut ialah Pusat Sukan, “Microwave Research Institute” dan Bahagian Keselamatan (Sila rujuk lampiran). Berkemungkinan besar “web master” PTJ ini bermasalah atau menghadapi masalah dalam menguruskan laman web mereka.

**Perkara-perkara yang boleh diambil tindakan susulan daripada hasil pemantauan ialah:**

1. Memastikan semua PTJ mempunyai seorang staf sebagai “web master” untuk menguruskan laman web dengan dibantu oleh seorang lagi staf sebagai “web content”.
2. Semua “web master” dan “web content” ini dilantik secara rasmi oleh pentadbir PTJ.
3. Informasi daripada JWM dapat disampaikan secara efisien dan efektif kepada semua “web master” dan “web content”.
4. JWM mempunyai kuasa autoriti dalam memastikan semua PTJ mematuhi segala apa yang diarahkan.

Disediakan oleh:

Bahagian Laman Web, Jabatan Web Media  
InQKA, UiTM Shah Alam  
Selangor